

# Keadilan akan hilang — PM

UM 14 JAN 2002

Oleh ROSNI HASSAN

**L**ANGKAWI 13 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin Parti Keadilan Nasional (Keadilan) akhirnya akan hilang begitu sahaja setelah mendapati ahli-ahli sudah tidak berminat lagi menyertainya.

Perdana Menteri berkata, ahli-ahli Keadilan sudah hilang semangat berjuang lalu bertindak keluar parti dan ini menunjukkan bahawa ia mudah retak dan akhirnya berpecah.

Sehubungan itu, katanya, dalam konteks pilihan raya kecil di Indera Kayangan, masalah yang melanda parti itu memberi peluang yang baik kepada Barisan Nasional (BN) untuk mempertahankan kerusi Dewan undangan negeri itu pada 19 Januari ini.

● Lagi komen di muka 2,3 dan 4

“Nampak agak baik (peluang BN), kita tahu sekarang ini ramai yang tarik diri dari parti Keadilan dan kita dapati ramai daripada ahli Keadilan tidak berminat lagi dan saya yakin ini adalah petanda bahawa parti Keadilan ini akhirnya akan hilang begitu sahaja,” katanya kepada pemberita selepas melawat beberapa projek pembangunan di sini hari ini.

Keadilan ditubuhkan oleh sebilangan ahli-ahli UMNO yang berpecah setelah Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat dari parti itu pada 1998. Senario yang sama berlaku pada tahun 1989 apabila Parti Melayu Semangat 46 ditubuhkan selepas UMNO diisytiharkan tidak sah setahun sebelum itu.

Bagaimanapun Parti Melayu Semangat 46 menemui kehancuran apabila ia dibubarkan selepas pilihan raya umum 1995 dan presiden parti itu, Tengku Razaleigh Hamzah menyertai semula UMNO.

Semalam seramai 69 pemimpin parti itu diketuai oleh Pengarah Pilihan Raya Keadilan bagi pilihan raya kecil Indera Kayangan, Mejar (B) Mohd. Shariff Abdul Razak menyertai UMNO.

Sebaik sahaja para pemimpin itu mem-  
Mihat muka 4

## Keadilan akan hilang — PM

buat perisytiharan keluar, pada sebelah malamnya 300 lagi ahli dan penyokong parti itu mengikut jejak menyertai semula UMNO.

Keputusan mereka meninggalkan parti di saat-saat genting menjelang pilihan raya itu dibuat berikutan kecewa dengan tindakan pucuk pimpinan parti peringkat pusat membelakangkan pandangan pemimpin negeri dalam soal pemilihan calon.

Pilihan raya kecil kali ini menyaksikan pertandingan di antara calon BN, Ooi Ah Lan dan calon parti Keadilan, Khoo Yang Chong.

Ditanya mungkin tindakan mereka itu sebagai satu sandiwara, kata Perdana Menteri: “Kita bukan hendak melepaskan sesuatu dengan berkata itu sandiwara, ini sandiwara, benda

yang benar kita kata benar, benda yang tak benar kita kata tak benar”.

Parti pembangkang Pas dan Keadilan kata Dr. Mahathir tidak mempunyai alasan yang munasabah mengenai sesuatu isu seperti peristiwa di Sauk, justeru mereka mengatakan ia sebagai satu sandiwara.

“Adakah munasabah dulunya merompak senjata adalah sandiwara tetapi yang lain tidak sandiwara, awak guna senjata itu untuk membunuh orang, macam mana kata merompak senjata sandiwara, ini cakap karut sahaja,” jelasnya.

Perdana Menteri juga kesal dengan tindakan pembangkang yang menjadikan isu kematian anak Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim sebagai taktik untuk

menarik sokongan pengundi di Indera Kayangan.

“Ini menunjukkan mereka tidak ada isu sampaikan orang mati pun hendak jadikan isu untuk tarik sokongan, ini perkara yang tidak baik, kita dalam budaya kita, kita hormatilah, walaupun musuh kita menghadapi masalah kematian, kita tak kata padan muka,” katanya.

Naib Ketua Pemuda Keadilan, Muhammad Zahid Md. Arip dalam ceramahnya baru-baru ini mengaitkan kematian anak bongsu Shahidan itu sebagai balasan Tuhan ke atas ‘kezaliman’ yang dilakukan terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim.

# 'Keadilan tiada matlamat, dedikasi'

## BARU MUKA 1

"Perjuangan Keadilan mempunyai matlamat terhad. Kerana satu sebab saja, bukan ada (sebab) lain. Jadi, tak ada dedikasi kepada perjuangan. Dengan itu, mudah nak jadi retak.

"Saya fikir (peluang untuk **merentang**) nampak baik kerana kita tahu ramai anggota Keadilan telah menarik diri." katanya pada sidang 'akhbar hi Oriental Village, Teluk Burau pada hari akhir lawatan kerja dua hari ke Langkawi.

Ditanya kemungkinan penyertaan beramai-ramai ahli Keadilan itu dianggap sebagai sandiwara politik semata-mata, Dr Mahathir berkata: "Kita bukan hendak melepaskan sesuatu dengan berkata itu sandiwara, ini sandiwara.

"Benda yang benar kita kata benar dan benda yang tidak benar, kita kata tidak benarlah. Jadi, macam Pas dengan Keadilan ini, dia tak ada alasan yang munasabah.

"Jadi, **cakap benda ini sandiwara**. Adakah muna-sabah kononnya merompak bersenjata adalah sandiwara, tetapi yang lain tidak sandiwara. Dia ini **guna** senjata tentulah untuk bunuh orang, **macam mana (boleh)** kata merompak senjata sandiwara. Cakap karut saja."

Mengenai tindakan pembangkang menjadikan **isu** kematian anak **Shahidan** sebagai modal **berkempen**, Dr Mahathir berkata, ini menunjukkan mereka sudah kehabisan modal hinggakan orang yang sudah mati pun dijadikan isu untuk **mena-**ri sokongan.

"Ini perkara yang tak baiklah. Dalam budaya kita, kita hormatilah walaupun musuh kita hadapi masalah kematian. Kita tak kata **padan muka**," katanya mengulas tindakan Naib Ketua Pemuda Keadilan, Muhammad Zahid Md Arip, yang mengangap kematian anak Menteri Besar Perlis itu sebagai balasan Tuhan.

Sementara itu, Syed

Araniri berkata, beliau dan rakan-rakannya menyertai Umno kerana kecewa dan hilang kepercayaan terhadap kepemimpinan Keadilan.

"Selepas meneliti pelbagai aspek, termasuk perjuangan dan corak kepemimpinan Keadilan, khususnya selepas pilihan raya kecil Lurias, Kedah kami dapati **cara parti** itu tidak sesuai," katanya kepada pemberita selepas **menyerah-**kan borang keahlian Umno yang turut **disaksi-**kan Naib Ketua Pemuda Umno, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir dan Ketua Pemuda Umno Perlis, Abdul Jamil Saad.

Malah, Syed Araniri, 28, berkata 'b&au tidak lagi bergiat dalam Keadilan selepas pilihan raya kecil DUN Lunas.

Beliau berkata, mereka tidak dapat menerima **cara kempen** kasar yang diamalkan golongan muda dalam Keadilan, termasuk terbabit dengan tunjuk perasaan dan **demonstra-**si jalanan.

Selain itu, beliau men-

dakwa **kepemimpinan** tertinggi Keadilan sering bertindak tanpa mengambil kira pendapat ahli akar umbi.

"Paling ketara ialah ketika memilih calon bagi pilihan raya kecil ini," katanya.

Beliau berkata, kira-kira 200 ahli yang keluar parti itu adalah Pemuda Keadilan kawasan DUN Indera Kayangan, manakala baki-nya dari beberapa kawasan lain di negeri ini.

Syed Araniri berkata, mereka menyertai Umnd menjelang pilihan raya kecil Indera Kayangan bagi **memberi** sokongan moral kepada BN.

Serentak dengan penyertaan kumpulan itu dalam Umno, sebuah bilik gerakan pilihan raya khas untuk bekas ahli Keadilan dilancarkan di situ.

"Bermula pada malam ini, kami akan cuba dapatkan lebih ramai ahli Keadilan, termasuk kempen dari rumah ke rumah, terutama Pemuda untuk bersama-sama BN," katanya.